

## **PERSOALAN MENGENAI KALIMAH ALLAH**

**Soalan:**

Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berhubung dengan isu kalimah Allah?

**Jawapan:**

Jabatan Mufti Negeri Perak amat prihatin terhadap isu ini dan atas dasar keprihatinan inilah maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak meneliti, membincang dan memutuskan bahawa Penggunaan Kalimah Allah Hanya Merujuk Kepada Tuhan Yang Maha Esa. Dalam fatwa tersebut dinyatakan bahawa:

- (i) Penggunaan Kalimah Allah hanya dikhkususkan kepada umat Islam;
- (ii) Mana-mana penganut selain daripada penganut Agama Islam adalah dilarang daripada menggunakan Kalimah Allah untuk sebarang tujuan atau maksud;
- (iii) Orang-orang yang bukan beragama Islam adalah dilarang daripada menggunakan kalimah Allah dalam apa jua penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya.

**Soalan:**

Apakah sebab berlakunya polemik kalimah Allah?

**Jawapan:**

Terdapat beberapa sebab berlakunya polemik ini antaranya ialah:

- i) Percubaan menggunakan nama Allah di dalam Bible di Malaysia menggambarkan keceluaran tentang keyakinan pengikut Kristian sendiri di dalam sistem kepercayaan mereka. Kepercayaan Kristian berteras konsep trinity, iaitu tuhan bapa, tuhan anak (Jesus) dan roh kudus atau tiga dalam satu, disebut sebagai oknum. Kebanyakan pengkaji-pengkaji sejarah perkembangan agama menyatakan bahawa fahaman ini pada dasarnya tidak ada dalam Kristian tetapi di bawa masuk dari falsafah Plato. Konsep Roman sebelum Kristian berubah dan kemudian menerima trinity. Konsep yang sama juga terdapat di dalam agama Hindu yang menyembah tuhan Brahma, Vishnu dan Shiva. Jadi, usaha meminjamkan mana-mana unsur luar dari agaman

Kristian bukan perkara baru dalam sejarah perkembangannya untuk mempastikan kelangsungannya terus di terima.

- ii) Di Malaysia, isu tuntutan penggunaan nama Allah oleh penganut Kristian juga adalah salah satu taktik evengelis Kristian menggunakan strategi kontekstualisasi untuk memperdayakan umat Islam. Dengan menggunakan perkataan yang biasa disebut dan diguna oleh umat Islam di dalam bahan bacaan Kristian, maka usaha pendakwahan dengan menyebarkan Bible menjadi lebih mudah. Masyarakat menjadi keliru dan mudah bagi mereka untuk terus menyesatkan lebih ramai Muslim.

**Soalan:**

Apakah nasihat kepada warga Perak agar peka dan sensitif mengenai isu ini?

**Jawapan:**

1. Umat Islam dan juga individu muslim perlu menanam kepekaan dan keprihatinan yang tinggi terhadap usaha kristianisasi dan gejala murtad;

Firman Allah SWT:

﴿ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ إِلَقْوَلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحَسَنَهُ وَأُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَنَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمُ أُفْلُوَالْأَلْبَابِ ﴾ ١٨

Maksudnya: “Mereka yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal fikiran”

(Surah Az-Zumar: Ayat 18)

2. Perlu mengambil tahu dan meningkatkan ilmu tentang taktik dan gerakan terkini mereka;

Firman Allah SWT:

﴿ فَانْظُرْ كَيْفَ كَاتَ عَنْقِبَةُ الْمُنْذَرِينَ ﴾ ٧٣

- 1 Maksud: “Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang diberi peringatan itu.”

(Surah: Al-Sâffât: Ayat 73)

3. Membina kemampuan untuk berkata tidak apabila dihampiri oleh kelompok evengelis dan berwaspada dengan tindak tanduk mereka di samping mengajak mereka berdialog (jika ada kepakaran) dan menyebarluaskan dakwah Islam kepada mereka;

﴿ وَلَا تَقْعُدُوا بِكُلِّ صِرَاطٍ تُوعِدُونَ وَتَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ يَهْوَى وَتَبَغُونَهَا عِوَجًا وَأَذْكُرُوا إِذْ كُنْتُمْ قَلِيلًا فَكثَرْتُمْ وَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu duduk di tiap-tiap jalan dengan menakut-nakuti dan menghalang-halangi orang yang beriman dari jalan Allah, dan menginginkan agar jalan Allah itu menjadi bengkok. Dan ingatlah di waktu dahulunya kamu berjumlah sedikit, lalu Allah memperbanyak jumlah kamu. Dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang berbuat kerosakan.”

(Surah: Al-A`rāf: Ayat 86)

4. Laporkan kepada pihak berkuasa agama dengan segera jika terdapat usaha dan gerakan kristianisasi.